

# **TUN DATU HJ. MUSTAPHA BIN DATU HARUN**

## **JASABAKTINYA DALAM PEMBANGUNAN SOSIAL DI SABAH**

Sabihah Osman

Ismail Ali

Baszley Bee B. Basrah Bee

DS

597 .337

.M87

.S23

2006

**TUN DATU HJ. MUSTAPHA BIN DATU HARUN**

**JASABAKTINYA DALAM**

**PEMBANGUNAN SOSIAL DI SABAH**

4000006008



# TUN DATU HJ. MUSTAPHA BIN DATU HARUN

JASABAKTINYA DALAM  
PEMBANGUNAN SOSIAL DI SABAH

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Sabihah Osman  
Ismail Ali  
Baszley Bee B. Basrah Bee

PERPUSTAKAAN UMS



UMS

1400006008

1. 2006  
/penerbit

© Universiti Malaysia Sabah, 2006

4000006008 - GU.000022/06 7/2

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh disimpan atau diterbitkan semula dalam sebarang bentuk yang boleh dikeluar ulang, atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara sekali pun termasuk cara elektronik, mekanikal, fotokopi atau rakaman digital tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Keizinan mendapat hak terbitan daripada hak cipta ini tertakluk kepada pembayaran honorarium atau royalti.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan

Sabihan Osman, 1948-

Tun Mustapha : jasabaktinya dalam pembangunan sosial di Sabah/ Sabihah Osman, Ismail Ali, Baszley Bee b. Basrah Bee.

ISBN 983-2369-45-2

1. Tun Mustapha Datu Harun, Tun Datu Haji--Contributions in Socialization.

2. Cabinet officers--Sabah. 3. Sabah--Politics and government.

I. Ismail Ali, 1969-. II. Baszley Bee Basrah Bee, 1968-. I. Judul.

320.959521092

I-Teamwork (M) Sdn. Bhd.,(577884-P)

DC

597.221

MSF

S23

2006



## **Tun Datu Hj. Mustapha bin Datu Harun**

Buku ini diterbitkan sempena penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah dalam bidang Pembangunan Sosial kepada Allahyarham Tun Datu Hj. Mustapha bin Datu Harun di Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah ke-8 pada 2 - 3 September 2006.

Anugerah ini dikurniakan sebagai tanda penghargaan kerana sumbangan Tun yang amat bernilai kepada masyarakat dan negeri Sabah dalam memperkasakan pembangunan sosial di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.





Tun Datu Hj. Mustapha bin Datu Harun  
*S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L.*

Gambar ihsan dari: *Sejarah Ringkas Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah dan Gabenor Borneo Utara*

## **Tun Datu Hj. Mustapha bin Datu Harun: Jasabaktinya Dalam Pembangunan Sosial di Sabah**

### **Pengenalan**

Allahyarham Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun telah menerajui Kerajaan Negeri Sabah dari tahun 1967 hingga tahun 1976. Selama sembilan tahun memimpin Sabah, Tun telah berupaya membawa Sabah dari sebuah negeri yang mundur kepada sebuah negeri yang makmur, aman, dan stabil. Kepemimpinannya yang dinamik dan berwawasan telah dapat meletakkan Sabah sebagai salah sebuah negeri yang kaya dan berpotensi besar dalam Malaysia waktu itu. Tun amat sedar tanpa kestabilan politik seperti pada tahun-tahun awal kemerdekaan Sabah, pembangunan negeri tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru, apabila beliau menerajui kerajaan negeri selepas berjaya dalam pilihan raya negeri Sabah pada tahun 1967, soal kestabilan politik dan pembangunan negeri khususnya ekonomi dan pendidikan diutamakan. Langkah pertama yang dilakukannya ialah menyatukan kedua-dua parti politik terbesar bumiputera iaitu *United Sabah National Organisation* (USNO) dan *United Pasok Kadazan Organisation* (UPKO) di bawah satu panji-panji iaitu USNO.<sup>1</sup>

Tanpa kekacauan dan pertelingkahan antara tokoh-tokoh politik membolehkan Tun menggubal beberapa dasar pembangunan, memastikan pembinaan nasion Malaysia diberi perhatian utama demi

mencapai matlamat perpaduan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya. Pada peringkat awal pentadbirannya, beliau telah membentuk beberapa dasar yang menjamin penyemaian semangat perpaduan dan cintakan negara dapat dipupuk dan dibajai agar terus hidup subur. Beliau sangat sedar dalam membina sebuah negeri yang baru merdeka, penyesuaian dengan dasar-dasar kebangsaan perlu diambil kira bagi memastikan keutuhan ikatan bersama Malaysia. Untuk mencapai objektif murni itu, Tun telah menyelaraskan beberapa dasar negeri dan dasar federal seperti dasar bahasa dan dasar pendidikan. Di sinilah terletak peranan penting Tun dalam mengasaskan perpaduan dan integrasi nasional, di samping menjalin hubungan erat di antara negeri dan federal.

### Pemimpin dan Kepemimpinan

Terdapat beberapa definisi atau takrifan mengenai pemimpin dan kepemimpinan. Kepemimpinan adalah kata nama yang berkait rapat dengan perkataan pemimpin. Manakala, pemimpin pula berasal daripada kata pimpin atau pandu. Pemimpin berfungsi sebagai ketua untuk memimpin atau memandu. Lebih tepat lagi ia “menggambarkan keupayaan seseorang ataupun individu untuk memimpin orang lain menuju ke suatu matlamat”.<sup>2</sup> Kepemimpinan juga adalah suatu proses yang tidak saja wujud kerana ada hubungan di antara pemimpin di suatu pihak dengan para pengikut di suatu pihak lain, malah ia turut melibatkan fungsi perhubungan itu sendiri. Oleh itu, kepemimpinan lahir dari interaksi di antara individu yang mempunyai kebolehan untuk melaksanakan pimpinan dengan keperluan yang wujud disebabkan oleh keadaan tertentu dalam satu-satu masyarakat.<sup>3</sup>

Seorang pemimpin pula ialah seorang ketua yang boleh merangsangkan tingkah laku sosial yang wujud di sekeliling, iaitu melalui *prestige*, kuasa, dan kedudukan.<sup>4</sup> Seorang pemimpin boleh juga dianggap sebagai seorang individu yang mencipta sejarah masyarakatnya.<sup>5</sup> Dengan mengambil kira definisi dan takrifan yang

dinyatakan tadi, kita tidak dapat menafikan bahawa Tun Mustapha adalah seorang pemimpin atau ketua kepada masyarakatnya.)

Dalam menerajui kerajaan negeri, kepemimpinannya terserlah sebagai pemimpin yang berkarisma dan berwawasan. Walaupun bukan secara menyeluruh kepemimpinannya menampakkan ciri-ciri kewibawaan tradisional, kewibawaan legal-rasional dan kewibawaan karismatik seperti yang diajukan oleh Max Weber, seorang ahli falsafah dan sosiologi Jerman turut terpancar pada peribadinya.<sup>6</sup> Sebagai pemimpin, Tun berjaya memimpin masyarakatnya menuju ke arah suatu matlamat kerana sebagai ketua yang memegang jawatan rasmi, beliau mempunyai kuasa dan berupaya melaksanakan sebarang rancangan sama ada untuk kepentingan masyarakat atau dirinya atau kedua-duanya sekali. Dalam kerangka kewibawaan tradisional, kepemimpinan Tun berdasarkan pengaruh dan rasa hormat yang tinggi diwarisinya secara turun-temurun. Hal ini kerana keluarganya berasal daripada keturunan bangsawan Sulu manakala kewibawaan karismatik Tun pula dapat dilihat berdasarkan keupayaannya mendapat penghormatan, ketaatan, dan kehebatan terhadap dirinya. Bagi memenuhi kesahan sosial masyarakatnya Tun berjaya membuktikan kemampuannya mengatur strategi kelangsungan kedudukan politiknya dan melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan ekonomi dan pendidikan. Berdasarkan keupayaannya yang ‘luar biasa’ ini beliau ditanggapi sebagai pemimpin yang berwibawa karismatik. Seperti tercatat dalam kajian Weber, “*Charisma was not just a matter of the special qualities appearing in a leader, it was also a matter of his followers seeing those qualities*”.<sup>7</sup>

Buku ini bukanlah bertujuan untuk menilai kepemimpinan Tun dalam politik Sabah mahupun Malaysia tetapi lebih memberi tumpuan kepada peranan beliau dalam pembangunan sosial di Sabah kerana selama ini nama Tun sering dikaitkan dengan kemerdekaan dan politik Sabah. Peranannya sebagai penyumbang besar dalam pembangunan dan pendidikan di Sabah kurang diketengahkan.

## Rujukan

- ✓ Abd. Hadi Harman Shah, Zahra Yaacob dll. 2003. *Tun Mustapha dan Pembangunan Sabah*. Bangi: UKM/YS.
- ✓ Arbain Hj Kadri dll. 2001. *Sumbangan UKM Kepada Pembangunan Sabah*. Bangi: UKM/YS.
- Dewan Undangan Negeri Sabah: Perbahasan Penyata Rasmi (1971-1974).
- Jemira @ Lusinah Ekong. 1986 “Peranan Yayasan Sabah dalam bidang pelajaran”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Julkipli bin Andul, 2006, “Perkhidmatan Doktor Udara Yayasan Sabah: Sumbangannya Kepada Tahap Kesihatan Rakyat”, Latihan Ilmiah Program Sejarah, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Junaenah Sulehan dan Noor Azizan Idris. 2002. “Tun Mustapha: Bapa Kemerdekaan dan Pembangunan Sabah”, Kertas kerja Kogres Rumpun Melayu 1, Lahad Datu, 26-28 April 2002.
- Khasnor Johan. 1996. *Educating the Malay Elite: The Malay College Kuala Kangsar 1905-1941*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Legge, J.D. 1973. *SUKARNO A Political Biography*. Victoria Australia: Penguin Books.
- ✓ Luping, Herman J. 1994. *Sabah's Dilemma The Political History of Sabah 1960-1994*. Kuala Lumpur: Magnus Books.
- Mohd. Ali Kamarudin. 1998. “Kepemimpinan Politik: Antara Kedudukan dan Personaliti”, *PEMIKIR*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- ✓ Mohd. Nor Long. 1982. *Perkembangan Pelajaran di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1992. *Dato' Onn Ja'afar Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roff, M. C. 1974. *The Politics of Belonging Political Change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sabihah Osman. 1986. “D. J. Jardine and Native Education”. *SUMBER*. Journal Ilmu Pembangunan dan Sumber Alam, Bangi: UKM.

- \_\_\_\_\_ 1987. "Sekolah Latihan Bagi Anak-anak Ketua Anak Negeri, Sabah". *SUMBER. Journal Ilmu Pembangunan dan Sumber Alam*. Bangi: UKM.
- ✓ Wong, Danny T.K. 2005, *Sejarah Ringkas Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Gabenor Borneo Utara*, Kota Kinabalu: Perpustakaan Negeri Sabah.



**Penerbit UMS**

[Http://www.ums.edu.my/penerbit](http://www.ums.edu.my/penerbit)

ISBN 983-2369-45-2

A standard linear barcode is positioned next to the ISBN number. Below the barcode, the numbers "9 789832 369455" are printed vertically.